



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "DADAH; MEMBAWA PETAKA KEPADA UMMAH"

5 Mac 2021 / 21 Rejab 1442

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا ﴿٣﴾

(Surah Al-Insan ayat 3)<sup>2</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>3</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>4</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan melaksanakan setiap perintah Nya serta menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan hidup kita diberkati Allah, di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “Dadah: membawa petaka kepada ummah”.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dadah, lebih tepat penyalahgunaan dan penagihan dadah telah menjadi punca kepada pelbagai masalah; masalah kesihatan, masalah sosial, masalah ekonomi, dan masalah keselamatan. Negara, kerajaan, masyarakat, keluarga dan orang-orang perseorangan kini terpaksa menanggung harga yang tinggi untuk menangani masalah penagihan dadah.

Dalam tahun 2020, rekod Polis Diraja Malaysia menunjukkan seramai 66,238 orang penagih ditangkap. Perangkaan yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan menunjukkan, sehingga tahun 2020, lebih 140 ribu orang penagih dadah telah direkodkan. Namun dipercayai, angka sebenar penagih dadah yang berlegar di dalam negara, lebih tinggi daripada angka tangkapan dan angka yang direkodkan.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Ayat Al-Quran

<sup>3</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>4</sup> Pesan Taqwa



### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Dengan bertambahnya bilangan penagih, tenaga kerja dan beban kerja Polis Diraja Malaysia, Agensi Antidadah, mahkamah, hospital, penjara dan pusat pemulihan turut bertambah, sekali gus meningkatkan perbelanjaan negara. Hasil negara yang sepatutnya boleh digunakan untuk perbelanjaan membina jalan raya, sekolah, pusat kesihatan, pembiayaan pengajian dan membekalkan lebih banyak kemudahan untuk rakyat, terpaksa dikurangkan kerana sebahagiannya perlu diperuntukkan untuk menangani masalah yang dicetuskan oleh penagihan dadah.

Penagih serta anggota keluarga penagih, terpaksa menanggung beban berat sosial dan kewangan. Jenayah kecurian meningkat, dilakukan oleh para penagih yang terdesak untuk mendapatkan sumber kewangan tambahan, yang diperlukan untuk membeli dadah. Lebih menyedihkan dan lebih menakutkan, keselamatan ahli keluarga dan masyarakat sekitar turut terancam kerana berlakunya pelbagai perbuatan tidak normal dan di luar tabii, akibat pengaruh negatif penagihan dadah. Keruntuhan rumah tangga dan perceraian turut berlaku dalam kalangan keluarga yang salah seorangnya menjadi penagih; anak, isteri, suami serta ibu dan ayah yang tua lagi uzur, terbiar apabila seseorang ditahan sama ada sebagai pengedar atau penagih.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Penagih dadah sering kali dilihat dengan lensa mata yang negatif, dipandang sebagai penjenayah, dan seringkali dipandang rendah serta dihina; sedangkan penagih dadah sebenarnya ialah mangsa; mangsa kepada sindiket perniagaan dadah yang membina kekayaan atas titisan air mata penderitaan manusia yang dijadikan mangsa.

Dadah telah menjadi bahan urus niaga global, urus niaga yang berjalan secara haram dalam pasaran gelap; melibatkan rangkaian penanaman, pembuatan, pengedaran dan jualan. Dianggarkan urus niaga perniagaan haram ini bernilai lebih tiga ribu bilion ringgit setahun, menyamai satu peratus daripada jumlah keluaran dalam negara kasar dunia.

Data Polis Diraja Malaysia menunjukkan sepanjang tahun 2020, lebih 13 ribu kilogram dan hampir 18 ribu liter dadah telah dirampas di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Di samping itu, lebih 291 ribu kilogram dan lebih 75 ribu liter ketum, serta hampir enam ratus kilogram dadah lain turut dirampas di bawah Akta Racun 1952. Keseluruhan dadah yang berjaya dirampas sepanjang tahun 2020, bernilai hampir 455 juta ringgit. Dalam tempoh masa yang sama, 20 buah makmal memproses dadah berjaya dikesan melibatkan tangkapan 71 orang



pesalah. Dipercayai kuantiti dadah dan nilai dadah yang diedarkan lebih banyak dan lebih tinggi daripada rampasan yang berjaya dilakukan oleh pihak berkuasa.

Sepanjang tahun 2020, seramai 6,633 orang pengedar berjaya diberkas. Pengedar dadah, terutama yang mengedar secara kecil-kecilan adalah juga mangsa, menjadi alat, kepada sindiket yang menjadikan dadah sebagai bahan perniagaan untuk membina kekayaan. Ramai pengedar yang ditangkap, dituduh dan dibicarakan dan apabila disabitkan, mengakhiri hayat mereka di tali gantung. Terdapat juga warga negara Malaysia, terlibat mengedar dadah di peringkat antarabangsa, dikenali sebagai keldai dadah, ketika ini meringkuk dalam penjara di beberapa buah negara luar. Ahli-ahli keluarga juga yang menanggung derita – memendam hiba sepanjang hayat, sementara tauke-tauke dadah, hidup sebagai jutawan dalam lautan kemewahan.

Dadah pernah diisytiharkan sebagai musuh nombor satu kepada negara. Dadah tanpa pengusaha, tanpa sindiket perniagaan dan tanpa rangkaian sindiket pengedaran yang bersistematik, tidak mungkin dapat menjadi musuh negara. Para peniaga dan pengusaha dadah, dan rangkaian sindiket pengedaran dadah yang besar, merekalah sebenarnya petualang yang mencetuskan begitu banyak penderitaan kepada insan-insan yang tidak berdosa. Kerana sifat tamak dan haloba mereka untuk membina kekayaan, mereka terus berusaha mahu meningkatkan jualan dadah, dan pada setiap detik, mereka mencari penagih baharu untuk dijadikan mangsa.

Lebih malang kepada negara dan teramat malang kepada warga, apabila ada orang-orang perseorangan dalam badan-badan penguat kuasa, badan-badan perundangan dan badan-badan yang diamanahkan untuk melindungi warga, menjadi kelabu pandangan kerana sogokan wang, mengamalkan sifat gunting dalam lipatan, bersedia bersekongkol dan bekerjasama, bersubahat membantu memudahkan kerja-kerja memproses, menyeludup dan mengedar dadah. Petualang-petualang inilah yang wajib diperangi dan diisytiharkan jihad untuk kita sama-sama menghapuskan mereka. Sabda Rasulullah SAW:

لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ ، وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَهْدَ لَهُ

Maksudnya: Tidak (sempurna) iman seseorang yang tidak amanah, dan tidak (sempurna) agama seseorang yang tidak berpegang pada janjinya. (Hadith riwayat Imam Ahmad - 12567)



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah pertama, mimbar menyeru para jemaah untuk sama-sama menggerakkan beberapa langkah berikut, bagi mencegah masalah penyalahgunaan dadah:

**Pertama:** Membantu mengenal pasti mangsa dadah pada peringkat awal, dibantu segera untuk dapat dirawat sebelum terlanjur jauh.

**Kedua:** Membantu penagih yang telah berjaya dipulihkan, agar dapat kembali hidup normal dan diterima secara positif dan diberikan sokongan oleh masyarakat dan rakan sekerja.

**Ketiga:** Melaporkan kepada pihak berkuasa jika didampingi oleh mana-mana pihak untuk mengambil dadah atau ditawarkan menjadi pengedar.

**Keempat:** Ingatlah kepada ALLAH, kalangan yang telah diberikan amanah dengan tanggungjawab, tidak hilang pedoman kerana sogokan kewangan lalu bersifat pegar memakan padi, bersubahat dan bersekongkol dengan penjenayah peniagaan dadah.

**Kelima:** Sama membantu usaha pihak berkuasa untuk meminimumkan kadar penagih dadah dalam usaha untuk mencapai matlamat sifar dadah. Hayatilah firman Allah SWT dalam surah Ar-Ra'd ayat 11:

لَهُ مُعَقِّبَاتٌ مِّنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِّنْ دُونِهِ مِن وَّالٍ ﴿١١﴾

Maksudnya: Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkan Nya itu, dan tidak ada sesiapa yang dapat menolong dan melindungi mereka selain Nya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ



وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

### Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>5</sup> حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>7</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

#### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>8</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>9</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ  
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ  
مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بِلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً.

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah**, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta lindungilah mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Allah**, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

**Ya Allah**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.